From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PENYELIDIK NEXUS5-HRM SBM KE LAMAN ENVIRONMENT IDAMAN
Date: Sunday, 20 September, 2026 12:24:24 PM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

20 SEPTEMBER 2026 / 8 RABIULAKHIR 1448H
==========

Oleh: Prof. Madya Dr. Md Lazim Mohd Zin
Gambar oleh: Kumpulan Penyelidik Nexus5 SBM, UUM

PENYELIDIK NEXUS5-HRM SBM KE LAMAN ENVIRONMENT IDAMAN



UUM ONLINE: Alor Setar - Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM), Universiti Utara Malaysia (UUM) terus memperkukuhkan jaringan universiti dan industri melalui perbincangan sinergi antara kumpulan penyelidik Nexus5-HRM, SBM bersama pihak Environment Idaman bertempat di Ibu Pejabat E-Idaman pada 10 September lalu.

Perbincangan antara kumpulan penyelidik yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Md Lazim Mohd Zin bersama wakil E-Idaman iaitu Ketua Jabatan Pengurusan Sumber Manusia dan Pentadbiran, Mohd Shamsul Zulkifli.

Dr. Md Lazim berkata, kunjungan ini bertujuan untuk membincangkan kertas cadangan perundingan berkaitan dengan analisis kerja dan pembangunan struktur gaji.

Perbincangan berkenaan turut disertai oleh empat ahli penyelidik Nexus5_HRM iaitu Prof. Dr. Chandrakantan Subramaniam, Prof. Madya Dr. Hadziroh Ibrahim, Prof. Madya Dr. Johanim Johari dan Prof. Madya Dr. Tan Fee Yean.

Antara intipati perbincangan ini ialah mengenai keperluan pihak E-Idaman untuk merangka penstrukturan semula gaji pekerja dalam kalangan pengurus dan eksekutif dengan mengambil kira kadar gaji yang ditawarkan oleh pesaing syarikat di pasaran, seiring dengan perubahan skop tugas dan spesifikasi kerja yang berlaku di E-Idaman.

Dalam perbincangan berkenaan, pasukan penyelidik Nexus5 telah menawarkan kepakaran ilmu untuk membantu pihak E-Idaman merangka proses pembanguna gaji yang sistematik menerusi adaptasi Model Pengurusan Imbuhan dan Ganjaran.

Model ini menyediakan kerangka asas untuk melaksanakan beberapa proses seperti analisis kerja, deskripsi kerja, penilaian kerja, tinjauan gaji dan penentuan gaji.

Perbincangan ini bukan sahaja menjadi plaform untuk menjalin hubungan strategi antara UUM dan E-Idaman, bahkan menyokong usaha memperkukuhkan hubungan strategik universiti dengan komuniti dan industri serta memperluaskan impak kepakaran akademik kepada organisasi dan masyarakat.





Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.